

# 47 penumpang cedera parah dua LRT bertembung

Berita HARIAN (25/05/2021)  
MYS 70

## 166 lagi penumpang tren Gombak cedera ringan

Oleh Safeek Affendy Razali dan Uah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya 47 penumpang dilaporkan cedera parah dalam pelanggaran dua tren Transit Aliran Ringan (LRT), masing-masing dari arah Gombak dan Kelana Jaya dari sini, malam tadi.

Kedua-dua tren dilaporkan bertembung kira-kira jam 8.45 malam di antara stesen Kampung Baru dan KLCC.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah, berkata tren dari Gombak membawa 213 penumpang, manakala tren dari arah Kelana Jaya yang tidak membawa penumpang, dipercayai mengalami masalah teknikal sebelum pertembungan berlaku.

Beliau berkata, 166 penumpang dilaporkan mengalami lu-

ka ringan.

"Semua penumpang yang cedera dihantar ke Hospital Kuala Lumpur dan beberapa hospital lain.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 201 Akta Pengangkutan Darat 2010," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian, malam tadi.

Sementara itu, sebahagian daripada mangsa kemalangan itu dibawa keluar melalui sebuah pusat beli-belah berhampiran.

Sehingga jam 10 malam tadi, puluhan ambulans bergegas ke lokasi bagi membawa mangsa mendapatkan rawatan.

Pihak penyelamat membabitkan pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) pegawai perubatan dari HKL dan pelbagai agensi.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, turut berada di lokasi kejadian.

Bercakap kepada pemberita, beliau berkata, satu pasukan tugas khas akan ditubuhkan untuk

menyiasat insiden pertembungan tren berkenaan.

"Ini adalah kejadian pertama membabitkan pertembungan tren LRT dalam 23 tahun sejarah operasinya," katanya.

Sementara itu, Pengurus Kanan (Komunikasi dan Hal Ehwal Media) Prasarana, Azhar Ghazali, mengesahkan kemalangan membabitkan perkhidmatan tren LRT bernombor 40 dan 81.

"Pasukan kami giat menguruskan bantuan dan kerja menyelamatkan sekarang," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan siasatan penuh dilakukan untuk mengenal pasti punca kemalangan membabitkan pelanggaran tren berkenaan.

"Saya memandang serius kemalangan ini dan sudah mengarahkan Kementerian Pengangkutan dan Prasarana melakukan siasatan penuh untuk mengenal pasti punca kemalangan ini serta mengambil tindakan tegas dengan segera.

"Keutamaan harus diberi kepada mangsa kemalangan," katanya dalam satu kenyataan, malam tadi.



Mohamad Zainal



Keadaan penumpang selepas pelanggaran dua tren dari arah Gombak dan Kelana Jaya, malam tadi.  
(Foto ihsan pembaca)



Penumpang keluar dari terowong dimana berlaku kemalangan dua tren malam tadi.  
(Foto ihsan pembaca)



Penumpang yang mengalami kecederaan dibawa ke hospital selepas dua tren terbabit kemalangan berhampiran stesen Kampung Baru, malam tadi.

(Foto BERNAMA)